

# Khairul, Ain terima anugerah tertinggi sukan USIM

**SEREMBAN 10 April** - Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Khairul Rozikin Abu Kassim dan pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Ain Najwa Mohd. Latif dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati USIM, 2014.

Pemilihan mereka berdua sebagai penerima anugerah berprestij ini dibuat dalam Majlis Anugerah Sukan USIM 2014 yang berlangsung semalam di Dewan Besar USIM, Nilai dekat sini.

Sebanyak 20 anugerah disampaikan antaranya anugerah khas pencapaian cemerlang, anugerah bintang harapan, anugerah pengurus terbaik, anugerah jurulatih terbaik, anugerah pasukan terbaik dan anugerah pasukan harapan.

**Khairul Rozikin** yang berasal dari Selangor menyinar dalam acara futsal apabila mewakili Malaysia ke Sukan Universiti ASEAN kali ke-17 di Palembang, Indonesia pada tahun lalu.

Bekas pemain bola sepak bawah 19 tahun Felda United melahirkan rasa syukur kerana anugerah diterima itu merupakan pengiktirafan kedua diterima beliau.

"Saya pernah dipilih sebagai penerima anugerah atlet terbaik Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) dalam Majlis Anugerah Masum 2014 di Universiti Tun Hussein



**NAIB Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad (tengah) bersama Khairul Rozikin Abu Kassim (kiri) dan Ain Najwa Mohd. Latif selepas Majlis Anugerah Sukan USIM 2014 di USIM, Nilai, kelmarin.**

Onn (UTHM)," katanya.

Sementara itu, **Ain Najwa**, mewakili USIM dalam acara pencak silat dalam Kejohanan Silat Masum-tahun lalu dan berjaya menggondol pingat perak, ternyata memberi tuah kepadanya untuk dipilih seba-

gai olahragawati USIM kali ini.

Dalam masa yang sama, kakitangan Jabatan Keselamatan USIM, Shah Ruddin Harun dan dari Jabatan Perpustakaan, Wan Azura Radzuan diumumkan sebagai olahragawan dan olahragawati kategori kakitangan.